

Pekerja Indonesia akan

UM 23 JAN 2002

Oleh
MARHAINI KAMARUDIN

BANGI 22 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan menghantar balik pendedag dari Indonesia termasuk yang mempunyai permit kerja bagi mengurangkan jumlah mereka yang terlalu ramai di negara ini.

Perdana Menteri yang khuatir dengan pelbagai masalah yang ditimbulkan oleh pekerja warga Indonesia, menegaskan kerajaan tidak boleh lagi bertolak ansur dan memandang ringan masalah yang ditimbulkan oleh mereka.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan kerajaan akan mengkaji dan memikirkan semula pengambilan pekerja asing dari republik itu berikutan perkembangan yang tidak sihat melibatkan warga negara itu sejak akhir-akhir ini.

“Saya fikir jumlah mere-

ka sudah terlalu ramai dan jika terjadi satu gerakan secara besar-besaran, kita akan hadapi masalah,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kerjaya Ke-20 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas tindakan lebih 80 pekerja warga Indonesia bersenjata parang dan petrol menyamun dan membakar sejumlah premis di sebuah kawasan perniagaan yang dikuasai oleh peniaga-peniaga Aceh di Kampung Limau Manis, Dengkil, lewat malam semalam.

Kejadian itu berlaku empat hari selepas kira-kira 500 pekerja asing rakyat Indonesia merusuh dan menyerang anggota polis di asrama lelaki Kilang Hualon Corporation (M) Sdn. Bhd. di Nilai, Negeri Sembilan.

Perdana Menteri kecewa kerana pendedag In-

donesia terbabit tidak menghormati undang-undang negara ini setelah diberi peluang bekerja di sini.

“Kita fikir mereka tentulah bersyukur tetapi nampaknya mereka hendak buat undang-undang sendiri dan tolak undang-undang kita, itu tak bolehlah.

“Rakyat kita (pun) patuh kepada undang-undang. Kalau orang mendedag tak hendak patuh, kita tidak boleh bertolak ansur,” tegasnya.

Ditanya sama ada kerajaan Malaysia akan membincangkan terlebih dahulu dengan kerajaan Indonesia berhubung penghantaran balik pendedag dari negara itu, Perdana Menteri berkata, ia tidak perlu dilakukan.

Ini kerana, katanya, kerajaan Indonesia sendiri mengerti tidak perlu bagi Malaysia ‘menyimpan’ warga Indonesia terutama yang masuk secara haram ke negara ini.

Di samping itu, Perdana Menteri memberitahu kerajaan akan mengadakan pengawal-pengawal pantai bagi menjaga daripada dicerobohi oleh pendedag tanpa izin khususnya dari Indonesia.

Mengenai taraf penduduk tetap (PR) yang diberikan kepada pendedag asing, Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga akan lebih teliti terhadap kemedagan yang diberikan kepada pendedag asing tersebut.

Beliau menarik perhatian mengenai perkara itu kerana kerajaan mendapati seorang daripada pendedag Indonesia yang diberi status PR merupakan anggota kumpulan militan KMM.

Mengulas kemungkinan tindakan tegas kerajaan terhadap pendedag Indonesia akan menjejaskan sektor perladangan dalam negara, Dr. Mahathir berkata: “Ada orang dari negara lain yang boleh buat kerja itu.”

dihantar balik